

07/10/1997

Program kemajuan BN menyeluruh

JELI, Isnin - Modul pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan Barisan Nasional (BN) berasaskan konsep pembangunan menyeluruh dan bersepadu mengimbangi keperluan rohani dan jasmani.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, berkata melalui usaha itu, negara mencapai kejayaan dalam segenap bidang, terutama dalam bidang pendidikan sehingga mendapat sanjungan dunia luar.

Beliau tidak mahu ada pihak yang cuba memisahkan gagasan perjuangan itu yang menjadi modul pembangunan kerajaan BN di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Parti kita (BN) tidak ada pilihan. Modul pembangunan BN ialah melaksanakan sesuatu berasaskan kepada konsep menyeluruh dan bersepadu di antara pembangunan rohani dan jasmani.

"Jangan ada pihak cuba memisahkan konsep itu," katanya.

(END)